



## AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 14 BILANGAN 24 RABU 11 JUN, 1969 1389 دیجع الاول 25 رابو PERCHUMA

### D.Y.M.M. rasmikan Hari Pelajar

**BANDAR BRUNEI** — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei, pada hari Sabtu lepas telah berangkat merasmikan upacara pembukaan Hari Pelajar, di-Padang Besar, Bandar Brunei di-mana kira2 5,000 orang murid dari sekolah Melayu seluruh negeri telah hadir.

Baginda telah memberikan titah uchapan di-upacara itu. Turut beruchap ia-lah Pengarah Pelajaran, Dato Seri Laila Jasa Awang Malcolm MacInnes.

Di-antara yang hadir ia-lah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan; Tuan Yang Terutama Pesurohjaya Tinggi British Awang A.R. Adair; Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli2 Wazir; Pemangku Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohamad Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim; Yang Amat Mulia Chetaria2 dan Pegawai2 Kanan Kerajaan.

Upacara itu di-akhiri dengan di-adakan pertunjokkan tarian, jimmastik, sharahan, bathah dan pertunjokkan urusan rumah tangga, pertolongan chemas dan lawak jenaka oleh berbagai sekolah yang mengambil bahagian.

Titah Baginda di-upacara itu ia-lah saperti berikut:

Beta bershukor ka-hadhrat Allah Subahan-nahu-wata'alaa atas limpah kurnia, rahmat dan petunjuknya kapada kita semua yang mana pada hari yang berbahagia ini kita telah dapat berkumpul bersama2 di-istiadat merasmikan "Hari Pelajar" sekolah2 Melayu sa-Negeri Brunei ini. Sa-lain daripada itu Selawat dan Salam juga kapada Junjongan kita Nabi Mohammad s.a.w., dan terima kasih beta kapada Pengarah dan seluruh anggota2 Jabatan Pelajaran Brunei yang telah sudi memberi peluang kepada beta pada hari ini.

Beta telah di-fahamkan bahawa pada "Hari Pelajar" yang kita bersama2 hadapi ini ada-lah di-makludkan atau bertujuan antara lainnya untuk memperlichtakan satu gambaran yang nyata sa-chara praktik mengenai dengan kemajuan2 dan chara2 pendidekan yang di-berikan kepada murid2 sekolah pada sa-genap peringat di-negeri ini.

Pada perasaan beta atau kalau beta tidak-lah lupa beta telah banyak kali menasihatkan juga meneru guru2 dengan seberapa daya usaha bagi mengajar, mendidek dan menggalakkan murid2 rajin menuntut, mempelajari laila mata pelajaran, ilmu pengetahuan yang



D.Y.M.M. sedang mengibarkan bendera 'Hari Pelajar' untuk menandakan rasmi-nya pembukaan Hari Pelajar 1969 pada hari Sabtu lepas. Di-belakang Baginda ia-lah Pengarah Pelajaran, Dato Seri Laila Jasa Awang Malcolm MacInnes.

### Istana sifatkan sa-bagai "mengelirukan" kenyataan yang di-buat oleh Pg. Md. Yusof dan Awang Zainal

**BANDAR BRUNEI** — Istana telah menerbitkan suatu kenyataan yang mensifatkan sa-bagai amat mengelirukan suatu kenyataan yang di-keluarkan oleh Yang Berhormat Pengiran Yusof bin Pengiran Abu Bakar dan Yang Berhormat Awang Zainal Abidin bin Puteh yang di-terbitkan di-dalam akhbar Borneo Bulletin keluaran 31 Mei, 1969, Bintang Harian 2 Jun, 1969 itu amat-lah mengelirukan.

Kenyataan ahli2 majlis Yang Berhormat itu telah di-siarkan dalam Borneo Bulletin keluaran 31 Mei, 1969 dan Bintang Harian keluaran 2 Jun, 1969.

Kenyataan dari Istana itu telah di-terbitkan atas nama Yang Amat Mulia Pengiran Penggawa Laila Bentara Istiadat Di-Raja Dalam Istana Pengiran Haji Mokhtar Puteh dan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Di-Raja Dato Seri Laila Jasa Dr. Haji Mohamad Jamil Al-Sufri ber-

kata:

"Kenyataan yang di-buat oleh Yang Berhormat Pengiran Yusof bin Pengiran Abu Bakar dan Yang Berhormat Awang Zainal Abidin bin Puteh yang di-terbitkan di-dalam akhbar Borneo Bulletin keluaran 31 Mei, 1969, Bintang Harian 2 Jun, 1969 itu amat-lah mengelirukan.

Sebah pun di-katikan usol yang di-hadapkan oleh Yang Berhormat itu tidak munasabah untuk di-terima, kerana maksud usol itu menyentoh perundungan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei dengan Kerajaan British, yang mana perundungan itu di-jalankan oleh Baginda sendiri, tidak-lah sa-kali2 mengandong wakil2 atau pemimpin2 politik.

Terapai dalam apa jua pun sa-pajang perundungan Baginda dengan Kerajaan British, hanya Baginda membawa penasihat Baginda yang terdiri dari pegawai2 kerajaan, yang di-lantek Baginda.

(Lihat Muka 8)

### Perbarisan hari keputeraan Baginda Queen

**BANDAR BRUNEI** — Dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan satu upacara perbarisan akan di-adakan pada hari Sabtu 14 Jun, 1969 kerana menghormati Hari Keputeraan Rasmi Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Queen.

Perbarisan itu akan di-adakan di-Padang Besar, Bandar Brunei.

Pakaian seragam dan bintang2 kehormatan hendak-lah di-pakai di-mana yang berkenaan. Tempat duduk akan di-sediakan kapada orang2 yang menerima jemputan dari-pada Jabatan Adat Istiadat, Brunei.

Tetamu2 hendak-lah duduk di-tempat masing2 pukol 7.30 pagi.

Pada sa-belah malam-nya, Pesurohjaya Tinggi British Tuan Yang Terutama Awang Adair dan isteri, akan mengadakan satu majlis jamuan di-tempat kediaman-nya di-Jalan Residency.

Bagi melichinkan susunan meletakkan kereta, tetamu2 yang di-undang ka-majlis itu ada-lah di-minta supaya seberapa yang boleh menumpangi satu sama lain, dan kereta2 hendak-lah di-letakkan saperti yang di-arahkan oleh pulis.

### Pejabat Tanah Pindah

**BANDAR BRUNEI** — Jabatan Tanah telah mulai berpindah ka-pejabat baru di-Jalan Sinuai di-Bandar Brunei pada hari Selasa, 10 Jun, 1969.

Dalam masa perpindahan yang di-jangka akan mengambil masa sa-lama dua atau tiga hari itu ada-lah perlu di-gantongkan urusan dengan orang ramai.

Nombor2 talion baru bagi Jabatan Tanah ia-lah 3181-3183.

# LEBEH 3,000 UMAT ISLAM DALAM SAMBUTAN MAULUD DI-DAERAH BELAIT

SERIA. — Lebih dari 3,000 orang umat Islam yang mewakili 44 buah pasukan di-Daerah Belait telah mengambil bahagian dalam perarakan mengelilingi Pekan Seria pada hari Sabtu lepas kerana menyambut hari keputeraan junjongan kita Nabi Muhammad s.a.w.

## Pertunjukkan pentas anjoran Seni Budaya Maktab SOAS

BANDAR BRUNEI. — Badan Seni Budaya Gabongan Maktab SOAS dan STPRI akan mengadakan pertunjukkan pentas di-Dewan Maktab SOAS pada 13 dan 14 Jun ini mulai 7.30 malam.

Sa-orang juruchakap persatuan itu berkata, achara2 akan di-persembahkan pada malam itu termasok-lah dua buah derama, tarian2 dan nyanyian.

Kemuncak dari achara yang akan di-persembahkan pada malam kedua itu ia-lah Peraduan Ratu Malam Rantau Antara Dua Persempahan.'

Peraduan tersebut terbuka kepada wanita2 yang berumur 16 tahun ka-atas.

Borang2 untuk menyertai peraduan tersebut boleh didapati dari kerani Maktab SOAS.

Malam pertama pertunjukan itu ada-lah khas untuk kanak2 sekolah dan malam kedua di-khaskan untuk orang ramai.

Tiket2 berharga 50 sen bagi kanak2 sekolah dan \$1.50 dan \$1.00 untuk orang ramai akan di-jual di-pintu masuk Dewan Maktab SOAS sa-belum pertunjukkan di-mulakan.

## Kembali sa-telah jalani latehan

BANDAR BRUNEI. — Dua orang pegawai pasukan Bomba telah pulang ka-tanah ayer pada minggu lalu sa-lepas menamatkan latehan sa-lama enam bulan di-Sekolah Latehan Perkhidmatan Bomba di Hong Kong.

Mereka ia-lah Pegawai Balai, Awang Hussein bin Hassan dan Penolong Pegawai Balai, Awang Abu Sahat bin Sheikh Othman.

Sa-masa menjalani latehan kedua2 orang pegawai itu telah mempelajari latehan lengkap mengenai semua aspek tugas pasukan bomba.

Pasukan2 itu ada-lah terdiri dari persatuan2 belia, sekolah2, maktab2, kampong2 dan jabatan2 kerajaan.

Pasukan2 itu pada mula-nya telah berhimpun di-panggang Bandaran Seria.

Perarakan yang di-dahului oleh Jawatankuasa Sambutan telah bermula sa-baik2 sahaja tembakan meriam sa-banyak 12 das di-lepaskan.

Sa-telah berarak pasukan2 itu berhimpun sa-mula di-panggang itu untuk mendengar uchapan2 dan menyampaikan sijil2 dan risalah Maulud.

Turut memberikan uchapan di-perhimpunan tersebut ia-lah Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Mahkota, Pengiran Haji Muda Kamaluddin dan Pegawai Daerah Belait, Pengiran Dato Paduka Momin bin Pengiran Haji Ismail.

Awang Abdul Hamid bin Bakal, Pemangku Pengetua Sekolah Menengah Arab Hassanal Bolkiah dan Sekolah Menengah Arab Raja Isteri Anak Damit telah memberikan sharahan khas dalam perhimpunan itu.

Kadzi Daerah Belait, Awang Abdul Salam bin Abdul Razak telah menyampaikan sijil2 kapada pasukan2 yang mengambil bahagian dalam sambutan itu.

## ABU BAKAR JOHAN BERZANJI

BANDAR BRUNEI. — Awang Abu Bakar bin Haji Paun dari Daerah Belait telah memenangi peraduan berzanji seluoh negeri yang telah di-adakan di-Lagoon Masjid Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei pada hari Isnin 2 Jun lepas.

Awang Damit bin Haji Kawang dari Daerah Brunei-Muara telah mendapat tempat kedua dan Awang Ali Khan bin Ismail dari Temburong mendapat tempat ketiga.

Dalam bahagian perempuan Dayang Norsiah binte Ahmad dari Daerah Brunei/Muara telah mendapat tempat pertama, Dayang Aishah binte Begawan Mudim Haji Adnan juga dari Daerah Brunei/Muara mendapat tempat kedua dan Dayang Malai Hasnah binte Malai Yahya dari Daerah Belait mendapat tempat ketiga.

Peraduan tersebut di-anjor-

## Langkah2 menchegah penyakit ta'un

BANDAR BRUNEI. — Pegawai Perubatan dan Kesihatan, Dr. Y.H. Paik telah menyeru kepada orang ramai supaya bersuntek bagi menchegah penyakit ta'un, jika mereka belum mendapatkan suntekan itu dalam masa enam bulan.

Dr. Paik mengulangi seruan itu oleh kerana kejadian penyakit tersebut di-beritakan semakin bertambah di-Singapura dan Malaysia Barat.

Beliau berkata, langkah ini ada-lah perlu di-ambil bagi menchegah penyakit itu dari merebak ka-negeri ini.

Dr. Paik juga menasihatkan orang ramai supaya mematohi langkah2 keselamatan yang mudah dari segi kesihatan seperti berikut:

- a. masak ayer sa-belum di-minum;
- b. chuchi tangan sa-belum makan;
- c. makan makanan yang masak;
- d. chegah lalat dari membiak dan
- e. laporkan dengan segera ka-rumah sakit atau klinik yang berhampiran terhadap sa-barang kejadian muntah2 dan buang2 ayer besar.

## 'Symposium' anjoran M.B.B.

BANDAR BRUNEI. — Majlis Belia2 Negeri Brunei akan mengadakan symposium di-Dewan Sekolah Melayu S.M.J.A. Pusar Ulak, Bandar Brunei pada 15 Jun mulai 7.45 pagi.

Timbalan Setia Usaha Agong Majlis Belia2 Negeri Brunei, Awang Mohammad Yassin bin Said berkata, tajok yang akan di-binchangkan pada hari itu ia-lah perkara mengenai perhimpunan Pertubuhan Belia Sa-Dunia yang akan di-adakan di-Brussel kira2 dalam bulan Ogos tahun ini.

Awang Mohammad Yassin berkata, symposium itu adalah terbuka kapada persatuan2 belia, pertubuhan kebajikan, pelajar2 dan orang ramai di-negeri ini.

Awang Mohammad Yassin menyeru semua setia usaha persatuan2 belia di-negeri ini supaya menghantar empat orang wakil dari persatuan masing2.

Nama2 peserta2 itu mestilah di-hantar kepada Setia Usaha Majlis Belia2 Negeri Brunei tidak lewat dari 12 Jun esok.

Bayaran masuk tidak di-kenakan tetapi peserta2 adalah di-kehendaki menyediakan kenderaan mereka sendiri.

## Pepereksaan Menaip dan trengkas

BANDAR BRUNEI. — Sarapai 117 orang penuntut2 Trengkas dan Menaip akan mengambil pepereksaan pada 13 Jun ini mulai jam 8.00 pagi di-Sekolah Melayu S.M.J.A. Pusar Ulak, Bandar Brunei.

Pepereksaan itu di-bahagikan kepada tiga bahagian iaitu permulaan, menengah dan tertinggi. Sarapai 36 orang akan mengambil pepereksaan menaip, 26 mengambil permulaan, 5 menengah dan 5 tertinggi.

Sarapai 81 orang akan mengambil pepereksaan Trengkas termasuk 43 mengambil permulaan, 19 mengambil menengah dan 19 mengambil tertinggi.

Pepereksaan itu di-anjoran oleh Trengkas Melayu Institute Malaysia dan di-ke-lolakan oleh Jabatan Pelajaran bagi pertengahan tahun ini.

## KHUTBAH JUMA'AT

# *Untuk tidak berbuat perkara2 yang di-tegah ada-lah perlu nasihat menasihati*

**BARANG** di-ketahui bahawa iman dan Islam itu ada-lah sa-besar2 nekmat telah kita dapati, yang akan membedzakan kita dengan orang2 yang tidak beriman, kepada orang2 yang mengikut pertunjok Islam yang di-kuatkan oleh keimannya ada-lah orang yang akan berjaya hidup-nya dan akan berbahagia di-akhirat.

Dalam masa kita maseh lagi merayakan hari keputeraan junjongan kita Nabi Mohammad s.a.w. dengan semangat dan amal yang mengagumkan orang2 yang bukan Islam hendaknya kita jangan lagi di-padamkan semangat itu dengan mengerjakan ma'asiat dan perkara2 yang dilarang oleh uggama Islam, kerana ma'asiat itu membawa kapada lupukan Allah dan rasa-sua-nya.

Untuk kita sama2 jangan berbuat perkara2 yang tidak di-suroh itu ingat beringat, nasihat dan menasihati adalah sangat2 berguna di-antara satu sama lain dan bukan keji mengeji, umpat mengumpat sa-bagaimana firman Tohan dalam Suratul-'Aa'la ayat 8 hingga 12 yang bermaksud:

"Dan kami memudahkan kapada engkau (ya Mohammad) menempoh jalan yang mudah sebab itu beri-lah peringatan kerana peringatan itu sangat berguna. Peringatan akan di-terima oleh orang takut kapada Allah dan orang yang menjauhkan daripadanya akan malang, yang mana akan di-masukkan ka-dalam api neraka."

### **PEMBETULAN**

Sedikit kesalahan telah terdapat mengenai hadith2 yang terkandong dalam Khutbah Jumaat yang di-siarkan dalam akhbar ini pada minggu lepas.

Hadith2 yang sa-betulnya ada-lah saperti berikut:

لقد كان لكم في رسول الله أسوة حسنة

وأطاعوا الله ورسوله ولا تزازعوا فتششو أو تذهب بريحكم واصبروا ان الله مع الصبورين

**Nasihat akan di-terima oleh orang yang beriman dan orang yang tidak menerima nasihat itu neschaya akan rugi dan mendapat balasan di-akhirat kelak**

Dan Tohan berfirman lagi dalam Suratul 'Asari yang bermaksud:

"Demi waktu asar sesunggohnya manusia itu dalam kerugian melainkan orang yang telah beriman dan mengerjakan perbuatan baik berwasihat (ingat beringat) satu sama lain dengan kebenaran dan ingat beringat supaya berhati tegoh (sabar)."

Ada-lah di-fahamkan dari ayat2 yang tersebut di atas bahwa di-samping iman kita yang berkubar2 dan amal ibadat, kita maseh di-perlukan memimpin orang lain ka-

jalan yang baik dan di-redhai Allah terutama dalam perkara2 sabar menghadapai semua tanggong-jawab dalam menengakkkan kebenaran dengan nasihat dan ingat beringat dan di-nyatakan juga nasihat2 itu akan di-terima oleh orang yang beriman dan sabek-nya orang yang tidak menerima itu ada-lah akan rugi dan mendapat balasan di-akhirat kelak.

Dari itu hendak-lah kita bersama2 berpegang tegoh di atas ajaran2 ugama Islam yang telah di-nyatakan dan di-terangkan oleh Nabi kita Mo-



hammad s.a.w. sama ada dengan perbuatan-nya sendiri atau hadith2 yang telah kita semua ketahui dan faham sa-lama ini.

Muga2 dengan iman dan amal perbuatan kita itu akan membawa kapada hidup sempurna dengan aman tenteram yang akan menjadikan negara kita betul2 Brunei Darus-salam dan akan bersama2 mendapat balasan baik di-akhirat sa-bagaimana yang telah di-janjikan oleh Allah subahana-hu-wata'ala.

### **Sambutan Maulud di-Kampung Subok**

**BANDAR BRUNEI.** — Penduduk2 Kampong Subok dan Kampong Belimbang akan merayakan Maulud Nabi Mohammad s.a.w., pada hari Juma'at 13 Jun mulai pukul 2.00 petang di-padang Sekolah Melayu Orang Kaya Imas.

Sa-orang juruchakap bagi jawatankuasa perayaan itu berkata, orang2 kampong dan kanak2 sekolah akan mengambil bahagian dalam perarakan itu.

Anggota2 jawatankuasa perayaan akan mengetuai perarakan mengelilingi kampong dan kembali untuk berhimpun semula di-padang itu.

Penolong Menteri Pertanian, Yang Berhormat Pengiran Haji Damit bin Pengiran Sungoh akan beruchap di-perhimpunan itu.

Sa-orang pegawai dari Jabatan Hal Ehwal Ugama juga akan memberi sharahan mengenai riwayat hidup dan ajaran Nabi Mohammad s.a.w. di-perhimpunan itu.

### **Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit**

*Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 11 Jun, 1969 hingga ka-hari Selasa 17 Jun, 1969 ada-lah saperti di-bawah ini:—*

Hari Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
11 Jun	12-26	3-46	6-37	7-49	4-37	4-52	6-07
12 Jun	12-26	3-46	6-37	7-49	4-37	4-52	6-07
13 Jun	12-26	3-46	6-37	7-49	4-37	4-52	6-07
14 Jun	12-26	3-46	6-37	7-49	4-37	4-52	6-07
15 Jun	12-26	3-46	6-37	7-49	4-37	4-52	6-07
16 Jun	12-27	3-47	6-38	7-50	4-37	4-52	6-08
17 Jun	12-27	3-47	6-38	7-50	4-37	4-52	6-08

*Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.*

*Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.*

11 Jun, 1969.

**MASA'ALAH  
MEMPOPULERKAN  
TARIAN2 ASLI**

DALAM keluaran 5 Februari, 1969 yang lalu, akhbar ini pernah mengutarakan pandangan mengenai dengan masa'alah mempopulerkan tarian2 asli kita terutama yang maseh terpendam dan belum di-luahkan lagi oleh mana2 pehak pun.

Pesurohjaya Kebajikan, Awang Salleh bin Haji Masri pernah menchadangkan supaya Majlis Belia2 Negeri Brunei membentuk sa-buah badan yang khursus untuk bertugas dan menggali serta mempopulerkan tarian2 asli kita itu.

Chadangan beliau ini di-maksudkan juga untuk mencari satu tarian yang sesuai untuk di-jadikan "tarian kebangsaan".

Chadangan yang sa-umpama ini harus mendapat sokongan yang padu kerana ada-lah bersesuaian dengan khendak masa dan negara. Kita berpendapat bahawa ada-lah sa-baik2 langkah yang chadangan beliau itu di-laksanakan dalam perengkat awal ini agar tidak akan timbul masa'alah2 yang mungkin berbangkit jika kita di-sifatkan "baru melangkah ketika kita dalam suasana yang sudah terlambat".


Tetapi perkara menchepatkan langkah ini nampaknya sedang mendapat perhatian yang berat yang mana sa-kurang2nya keraguan kita tentang masa'alah2 yang akan timbul itu telah berkurangan. Nampaknya, Pesurohjaya Kebajikan tidak dapat menunggu inisiatif dari MBB saperti yang di-chadangkan beliau itu dan sekarang dengan arahan-nya akan di-adakan peraduan tarian2 asli sebagai salah satu achara sempena pembukaan Pusat Belia yang akan di-langsangkan dalam bulan Julai ini.

Ada empat tarian2 asli kita yang akan di-pertandingan itu, tetapi perubahan yang terakhir terpaksa dilakukan atas beberapa kesulitan penghakiman. Maka telah di-putuskan untuk memperpadukan satu tarian sahaja ia-itu tarian adai-adai.

Atas pemilihan hanya satu tarian Adai-Adai itu sahaja, maka timbul persoalan kapada kita bawahu apa-kah Adai-Adai itu merupakan tarian yang di-chadangkan oleh pengajar untuk di-jadikan tarian nasional kelak. Ini kita perchaya bukanlah tujuan-nya bagitu, kerana ada tiga tarian lagi dalam senarai pengajar untuk di-peraduan kemudian. Tarian2 itu ialah Samalindang, Anding dan Tarian Zapin.

Walaupun tujuan pokoknya peraduan itu di-adakan untuk menggalakkkan ahli2 persatuan2 belia untuk meninggikan mutu tarian2 kebudayaan dan menghidupkan semula tarian2 Brunei asli, tetapi kita perchaya ada-lah terkandong juga tujuan2 mengenai masa'alah tarian kebangsaan tersebut dan untuk mengurangkan pengaroh tarian2 barat yang menguasai belia2 kita dewasa ini.

Kita berharap akan timbul pandangan2 yang membenarkan terutama dari kalangan ahli2 budaya dan para cendrik-pandai kita demi untuk sama2 membangun menuju ka-arah chita2 memperteguhkan kebudayaan yang dapat menherminkan imej negara kita di-mata dunia.


**MASA'ALAH  
MEMPOPULERKAN  
TARIAN2 ASLI**

DALAM keluaran 5 Februari, 1969 yang lalu, akhbar ini pernah mengutarakan pandangan mengenai dengan masa'alah mempopulerkan tarian2 asli kita terutama yang maseh terpendam dan belum di-luahkan lagi oleh mana2 pehak pun.

Pesurohjaya Kebajikan, Awang Salleh bin Haji Masri pernah menchadangkan supaya Majlis Belia2 Negeri Brunei membentuk sa-buah badan yang khursus untuk bertugas dan menggali serta mempopulerkan tarian2 asli kita itu.

Chadangan beliau ini di-maksudkan juga untuk mencari satu tarian yang sesuai untuk di-jadikan "tarian kebangsaan".

Chadangan yang sa-umpama ini harus mendapat sokongan yang padu kerana ada-lah bersesuaian dengan khendak masa dan negara. Kita berpendapat bahawa ada-lah sa-baik2 langkah yang chadangan beliau itu di-laksanakan dalam perengkat awal ini agar tidak akan timbul masa'alah2 yang mungkin berbangkit jika kita di-sifatkan "baru melangkah ketika kita dalam suasana yang sudah terlambat".

Tetapi perkara menchepatkan langkah ini nampaknya sedang mendapat perhatian yang berat yang mana sa-kurang2nya keraguan kita tentang masa'alah2 yang akan timbul itu telah berkurangan. Nampaknya, Pesurohjaya Kebajikan tidak dapat menunggu inisiatif dari MBB saperti yang di-chadangkan beliau itu dan sekarang dengan arahan-nya akan di-adakan peraduan tarian2 asli sebagai salah satu achara sempena pembukaan Pusat Belia yang akan di-langsangkan dalam bulan Julai ini.

Ada empat tarian2 asli kita yang akan di-pertandingan itu, tetapi perubahan yang terakhir terpaksa dilakukan atas beberapa kesulitan penghakiman. Maka telah di-putuskan untuk memperpadukan satu tarian sahaja ia-itu tarian adai-adai.

Atas pemilihan hanya satu tarian Adai-Adai itu sahaja, maka timbul persoalan kapada kita bawahu apa-kah Adai-Adai itu merupakan tarian yang di-chadangkan oleh pengajar untuk di-jadikan tarian nasional kelak. Ini kita perchaya bukanlah tujuan-nya bagitu, kerana ada tiga tarian lagi dalam senarai pengajar untuk di-peraduan kemudian. Tarian2 itu ialah Samalindang, Anding dan Tarian Zapin.

Walaupun tujuan pokoknya peraduan itu di-adakan untuk menggalakkkan ahli2 persatuan2 belia untuk meninggikan mutu tarian2 kebudayaan dan menghidupkan semula tarian2 Brunei asli, tetapi kita perchaya ada-lah terkandong juga tujuan2 mengenai masa'alah tarian kebangsaan tersebut dan untuk mengurangkan pengaroh tarian2 barat yang menguasai belia2 kita dewasa ini.

Kita berharap akan timbul pandangan2 yang membenarkan terutama dari kalangan ahli2 budaya dan para cendrik-pandai kita demi untuk sama2 membangun menuju ka-arah chita2 memperteguhkan kebudayaan yang dapat menherminkan imej negara kita di-mata dunia.

Duli Yang Maha Mulia kelihatan sedang menerima perbarisan kehormatan yang sedang bergerak dengan tangkasnya



Duli Yang Maha Mulia bersama2 dengan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan telah juga berchemar Duli ka atas kapal "Pahlawan" untuk menyaksikan sa-chara dekat alat2 yang di-lengkapkan kapada kapal tersebut.



Pasukan Pancharagam AMDB dengan memainkan lagu2 rentak mach kelihatan sedang memandu perbarisan melalui bandar.



Perarak keliling bandar itu termasuk memperlakukan angkatan kera2 perisai dan pasukan meriam.

## Perayaan ulang tahun AMDB yang ka-8

BERIBU2 orang telah menyaksikan sambutan perayaan hari ulang tahun yang ka-8 tertubohnya Pasukan Askar Melayu Di-Raja Brunei pada 31 Mei lepas di-Bandar Brunei.

Pada hari itu berbagai2 achara telah di-adakan termasuk pertunjukkan perbarisan melalui bandar dan pertunjukkan kekuatan pasukan itu di-padang besar.

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan telah menerima tabek kehormatan dari sa-buah pentas Diraja yang di-bina khas di-pekarangan Lapau.

Perayaan itu bermula dengan perbarisan melalui bandar dengan di-iringi oleh pasukan pencharagam AMDB dan dalam waktu itu pasukan helikopter telah menunjukkan penerbangan-nya dengan diikuti oleh tembakan meriam kehormatan yang di-lepaskan dari kapal "Pahlawan" dari Angkatan Laut Pertama.

Berbagai2 kegiatan AMDB telah di-tunjukkan kapada orang ramai di-Padang Besar termasuk pertunjukkan oleh pasukan bersenapang, latihan senjata2 pembantu dan pertunjukkan jinnastik serta memberi peluang kepada orang ramai melihat sa-cham dekat peralatan2 pasukan itu.

Gambar2 di-halaman ini di-ambil ketika perayaan itu di-adakan.



Kaptan Husain Hj. Sulaiman menunjukkan kapada Baginda peralatan yang di-gunakan dalam pasukan kereta perisai dan memperkenalkan salah sa-orang petugas dalam pasukan itu.

Kaptan Abdul Aziz sedang menunjukkan kapada Duli Yang Maha Mulia peralatan pasukan sambutan AMDB, sementara orang ramai juga termasuk kanak2 sekolah turut sama di-beri peluang untuk menyaksikan-nya.




Beribus orang ramai kelihatan membanjiri Padang Besar, Bandar Brunei untuk sama2 menyaksikan pertunjukkan perayaan ulang tahun ka-8 AMDB.



Kaptan Ariffin Haji Wahab sedang menunjukkan kapada Baginda dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan pakaian rasmii dan peralatan2-nya yang di-pakai dari askar biasa hingga kapada pegawai2-nya. Lawatan itu di-iringi oleh Pegawai Pemerintah AMDB, Lt. Col. J.J.H. Simpson.


Kapal perunda "Pahlawan" dengan anak2 buah-nya dengan di-ikuti oleh beberapa buah kapal dan mutubot pasukan laut AMDB keberak merak melalui Sungai Brunei.

Orang ramai kelihatan terpesona dan ada yang ngeri ketika menyaksikan pertunjukkan jinnastik dari soldadu2 yang chekap ini.



Belia2 sedang di-beri penerangan chara2 menggunakan meriam dan alat senjata ini nampaknya telah menarik minat mereka.

Orang ramai berpusu2 menyaksikan pesawat2 helikopter dan mereka telah di-beri penerangan bahagian2 dan peralatan2 yang terdapat dalam pesawat itu.



**SAYA** sangat tertarik kepada perubahan dalam ruangan pelajar beberapa masa yang lalu, dimana Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Di-Raja Dato Seri Laila Jasa Dr. Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri memperkatakan istilah "kunjung" atau "berkunjong" dari segi 'Ilmu Semantik'. Maka ingin rasa-nya saya melanjutkan perubahan itu dalam tajuk perubahan kita malam ini, iaitu "Apa dia Semantik?"

Sa-bagaimana di-ketahui, pembahagian "ilmu penyelidikan kata dari sa-suatu jenis bahasa itu dapat dikaji dari tiga aspek atau segi; pertama, aspek marfaloji atau bentuk-kata yang berhubungan dengan kajikata, kajii-ayat, kajikiasan dsb. yang berkisar dalam nahu bahasa Melayu umpama-nya; kedua, aspek estimoloji atau asal-kata yang berhubungan dengan asal-usul sa-suatu kata, umpama-nya-lah kata 'Singapura' yang berasal daripada bahasa Sanskrit dengan makna 'kota-Singa'; dan ketiga, dan juga tajuk perubahan kita malam ini, aspek semantik atau arti-kata yang berhubungan dengan kajian dalam penyebutan, perubahan makna, penggantian kata pantang, dan juga segi "nilai rasa".

Ada-pun akibat yang timbul, dari "nilai-rasa" ia itu istilah2 baru ataupun pengambilan-alih istilah internasional (dunia) ka-dalam bahasa Melayu; dan juga kechenderongan para-pakar2 bahasa dan sastera sasterawan-sasterwani, cherpenis, penyajak, nobelis dan lain2-nya untuk membentuk istilah2 baru dari kata2 Sanskrit, 'Arab, Yunani, Grik, Latin dsb., yang ka-semua-nya itu di-sebut juga bahasa pinjaman atau 'infiltrasi' atau pun 'konfrontasi', yang berbau keserjanaan, dari segi akademik, ia-itu dunia pendidekan.

Sudah barang tentu pula bahawa peristiwa pembentukan kata baru ada-lah suatu hal yang sangat menarek perhatian, bukan sahaja masharakat bahasa tetapi juga masharakat sastera, dan ini sudah memang tentu pula membayangkan kehidupan mental (fikiran) parapemakai bahasa yang maju, yang dinamik, yang sentiasa berikhtiar mengisi kekurangan bahasa kebangsaan, istimewa dalam dunia ilmiah. Dan beberapa chontoh daripada kata2 bentukan baru sa-bagai usaha untuk menyesuaikan pemakaian bahasa dengan semangat dan kehendak zaman-nya, sa-bagaimana terdapat dalam buku "Semantik" oleh Professor Slametmuljana, dan yang telah pun terpakai dan terserak-sebar dalam pelbagai buku2 cherpen, nobel, sajak, majallah, surat-khabar dsb.. ada-lah kata2 yang di-bentuk dengan kata2 umpama-nya:-

# APA DIA SEMANTIK?

## SIRI PERTAMA

Oleh

**Awang Raymond Phoa Kim Hong,**

**Pensharah Bahasa dan Kesusteraan**

**Melayu di-Maktab S.O.A.S., Brunei.**

.....tata (dalam kata tata-susila dengan arti al-akh-lak), tuna (dalam kata tunakarya dengan arti pengang-gur), diri (dua tri (tiga), charter (empat) atau pancha (dalam kata pancha-indera dengan arti pendengaran, pen-chiuman, penglihatan, perasaan, penjamaan), swa (dalam kata swakerja dengan arti kerja sendiri) pra (dalam kata pra-sejarah dengan arti sebelum sejarah), para (dalam kata parasiswaswi dengan arti semua-nya siswaswi), serba (dalam kata serba-neka dengan arti bunga rampai), tan (dalam kata tanwarna dengan arti tanpa warna), pari (dalam kata paripura arti sangat sempurna), maha (dalam kata maha-karya dengan arti karya besar), wan, man, wati mani, atau wanita (dalam kata biduawanita dengan arti penya-nyi wanita, bakti (dalam kata

kerja-bakti dengan arti kerja yang wajib), juru (dalam kata juru-trengkas dengan arti pandai dalam trengkas), dan lain2-nya, banyak lagi. Tersokong pula kata yang di-bentuk dari peningkatan kata2, umpama-nya, tarinyadraduchara yang bermama, tarian, nyanyian, derama, komedi dan pelbagai achara.

Sa-belum saya mengembala lebeh jauh dalam peristiwa pembentukan kata baru salan-jut-nya, ada baik-nya saya kembali sa-mula ka-dalam peristiwa perubahan makna dari segi pengertian dari masa ka-masa, sa-bagaimana telah di-binchangkan oleh Dato Dr Jamil mengenai istilah 'kunjung' atau BERKUNJONG.

Memang, sa-bagaimana dikatakan oleh sa-orang sasterawan Melayu-Indonesia Pramoedja Ananta Toer, tidaklah semua ta'rif istilah2 yang

di-pelajari atau di-bacha dari buku2 pelajaran, perbenda-haraan kata2, kamus2 atau pun ensiklopedia dapat di-terima dan di-telan mentah2 tan-pa di-kunyah terlebih dahulu, sebab arti istilah atau pun kata2 itu bukan mati, tetapi hidup, dan berkemungkinan juga berkembang dan berubah sedikit-sebanyak-nya dari satu-zaman-ka-zaman yang lain, atau pun dari satu-masharat-ka-ka-masharakat-lain. Ambil-lah umpama-nya chontoh yang di-kemukakan oleh Slametmuljana.

Saudara-saudari tentu sudah sering mendengar kata "seni dalam kata seni-rupa, seni lukis, seni-tari, seni-pahat, seniman, seniwati, seni-sastera, seni-bahasa, seni-ini-dan-itu: kata seni yang kita kenal sekarang bermakna hasil chipataan yang bernilai-halus. Tetapi, tahu-kah saudara-saudari bahawa dalam masharakat bahasa Melayu lama dan bahasa Melayu-Indonesia umpama-nya kata seni di-hubungkan dengan ayer-seni, dengan arti ayer "kechil"? Sudah tentu kita tak dapat mengambil tafsiran itu sekarang Akan luchu dan mengelikan, atau janggal atau pun menjijikan jika kata seniman dan seniwati yang timbul dalam bahasa Melayu moden, di-tafsirkan dengan makna seni (ayer-kechil) dalam bahasa Melayu lama, bukan?

Sa-bagi penutup, kita ambil pula-lah satu lagi istilah atau kata "perempuan" yang makna-nya tidak asing bagi kita. Kata "perempuan" juga telah menjalani sedikit perubahan ka-arah yang lebih menyenangkan atau pun ka-arah yang kurang menyenangkan. Kalau di-Singapura, Malaysia, atau-pun di-Brunei ini, kata "perempuan" itu bukan saja tetap di-pakai bahkan naik nilai-nya dengan ada-nya kata singkatan "Puan" di-pakai sa-bagai gelar sa-orang isteri yang berkedudukan tinggi sa-perti Puan Nur Aisha, atau sa-bagai kata panggilan dalam uchapan jamuan atau mashuarat sa-perti Tuan2 dan "Puan", di-Indonesia pula, di-kalangan dunia pendidikan (akademik) katanya "perempuan" punya makna yang menurunkan nilai-nya, sa-olah2 sama dengan kata "kupu" malam" di-sebabkan pendudok Jepun yang mana askar2-nya selalu mencari perempuan dalam arti "kupu Malam".

Sekian-lah dulu, hingga kita sambung perubahan mengenai "Semantik" ini dalam ruangan pelajaran yang akan datang. Terima Kaseh.

## Perbedaan antara projek kawasan bandar dan projek luar bandar

**TEMBURONG.** — Pegawai Daerah Temburong, Awang Johari bin Abdul Razak telah memberitahu ahli2 Majlis Mashuarat Daerah Temburong mengenai perbedaan antara projek kawasan bandar dan projek luar bandar.

Awang Johari berkata, projek luar bandar ada-lah di-bawah pegawasan Pejabat Daerah sementara projek kawasan bandar ada-lah tanggong jawap sa-buah jabatan kerajaan

Awang Johari menyatakan demikian dalam uchapan penanggohan dalam Majlis Mashuarat Daerah Temburong yang berlangsung pada hari Isnin 2 Jun lepas.

Pegawai Daerah itu menasihatkan ahli2 majlis tersebut supaya sentiasa berwaspada terhadap keritik yang menyebarkan berita2 palsu yang mengelirukan rayaat mengenai perkara2 yang berkaitan dengan daerah itu.

Beliau berkata, keritik2 sa-perti itu ada-lah di-lakukan oleh orang2 yang kurang fiki-

ran dan tidak bertanggong jawap.

Mengenai projek pembinaan jalan raya yang sekarang ini sedang di-laksanakan di-daerah itu. Awang Johari berkata, ranchangan tersebut akan siap tidak lama lagi dan beliau menyeru ahli2 majlis supaya menasihatkan penduduk2 di-daerah itu supaya berchuchok tanam dan memperbaiki ladang mereka.

Awang Johari berkata, tujuan projek itu ia-lah untuk memberikan kemudahan jalan keluar kapada peladang2 untuk membawa hasil2 mereka ka-kawasan bandar.

Awang Johari juga mengingatkan penduduk2 di-daerah itu supaya membuat terlebih dahulu perhubungan dengan Pejabat Daerah, sa-belum menulis kapada pehak berkuasa yang lebih atas mengenai perkara2 yang berkaitan dengan daerah itu.

Beliau berkata, ini ada-lah bagi menggelakkkan kejadian salah faham



## Kerajaan sentiasa menyedari kepentingan raayat—Pg. Othman

PEKAN TUTONG. — Pegawai Daerah Tutong, Pengiran Othman bin Pengiran Anak Mohammed Salleh berkata, kerajaan sentiasa menyedari kepentingan rayaat, tetapi jangan-lah hendaknya, segala2nya bergantong kepada kerajaan.

Sa-baleknya beliau berkata, mereka hendak-lah sama2 bekerjasama bagi kemajuan daerah negeri.

Berchup di-sidang bulanan Majlis Mashuarat Daerah Tutong pada hari Sabtu lepas, Pengiran Othman berkata, mengenai kemajuan pertanian, kerajaan telah memberikan bantuan, dan melancharkan ranchangan untuk menolong peladang2 di-negeri ini.

Kata-nya, jika rayaat bekerjasama dengan kerajaan dan antara satu sama lain, negeri Brunei boleh mengeluarkan hasil makanan yang cukup untuk kegunaan.

Terdahulu sa-belum itu Awang Haji Hanafi bin Mohammad Daud, wakil bagi Pe-

kan Tutong, telah beruchap panjang lebar mengenai penluasan usaha pertanian dan menyatakan bahawa sa-tengah2 bantuan kerajaan itu belum memuaskan.

Awang Haji Hanafi berkata, kerajaan hendak-lah lebuh menumpukan dalam membantu persatuhan2 Peladang dari menumpukan kebanyakkan dari bantuan2 itu kapada peladang2 perseorangan.

Kata-nya, ahli2 persatuan peladang ada-lah rayaat negeri ini dari itu berhak mendapat keutamaan.

Majlis Mashuarat itu juga telah meluluskan satu usul yang di-bentangkan oleh Awang Haji Hanafi yang meminta kerajaan supaya membina tangga batu dari kaki bukit ka-tanah perkuboran di Pekan Tutong.

Awang Haji Hanafi ketika membentangkan usul tersebut berkata, jalan ka-tanah perkuboran itu sekarang ada-lah kurang baik dan membahayaan sa-masa hari hujan.

**BANDAR BRUNEI.** — Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei telah mengadakan sukan tahunan-nya yang ke-14 pada hari Jumaat lepas di-padang Sekolah Melayu Menengah Pertama.

Sukan tersebut telah di-rasmikan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar Sahibol Bandar, Pengiran Haji Mohammad bin Pengiran Piut (gambar atas).

Rumah Bendahara telah menjadi johan dalam sukan tersebut buat kali yang ketujuh.

Hadiyah2 juga telah di-sampaikan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar Sahibol Bandar Pengiran Haji Mohammad.

## Pasokan Pengakap Sekolah Arab di-tubohkan

BANDAR BRUNEI. — Penolong Pesurohjaya Pengakap Negeri Brunei, Awang Shahbuddin bin Salleh pada minggu lepas telah merasmikan pembukaan Pasokan Pengakap Sekolah Menengah Arab Hassanal Bolkiah di-Bandar Brunei.

Awang Shahbuddin telah menguchap tahniah kapada sekolah tersebut kerana mengambil inisiatif menubohkan pasokan pengakap-nya.

Beliau berasa bangga melihat pertama kali-nya dalam sejarah Brunei sa-buah sekolah Arab menubohkan satu pa-sokan pengakap.

Terdahulu dari itu ucha-pan2 telah di-sampaikan oleh Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Mahkota Pengiran Haji Muda Kemaluddin, Pemangku Pengetua Sekolah Menengah Arab Hassanal Bolkiah dan Sekolah Menengah Arab Raja Isteri Anak Damit Awang Abdul Hamid bin Bakal dan Penasehat kapada Pasokan Pengakap Sekolah Menengah Arab Ustaz Ismail bin Mohamed.

Di-antara yang hadir di-upacara itu ia-lah pegawai2 kanan pengakap dan pegawai2 dari Jabatan Hal Ehwal Uga-ma.

## Kembali sa-telah menjalani pembedahan jantong

**BANDAR BRUNEI.** — Dayang Toh Swee Lan telah pulang ka-tanah ayer pada hari selasa lepas sa-telah menjalani pembedahan jantong di-Australia.

Dayang Swee Lan yang berumur 12 tahun telah di-hantar ka-Australia untuk rawatan tersebut dalam bulan April

lepas.

Pembedahan tersebut telah di-lakukan oleh Dr. K.N. Morris di-rumah sakit Alfred Mel-bourne.

Seumur perbelanjaan untuk rawatan Dayang Swee Lan termasuk tambang kapal terbang ada-lah di-bayar oleh Kerajaan Brunei.



## Kenyataan dari Istana

(Dari Muka 1)

Kalau-lah maksud usol itu berkehendakkan wakil atau pemimpin politik, tujuan yang sademikian ada-lah berlawanan dengan maksud ikraat ta'at setia yang tidak berbelah bahagi yang selalu dilongkarkan oleh pemimpin2 itu.

Dalam majlis Mashuarat Negeri yang lalu, telah jelas bahawa usol Yang Berhormat itu tidak munasabah untuk di-terima.

Usol pindaan yang telah di-buat oleh sa-orang ahli Majlis di-Dewan itu yang di-salah artikan oleh mereka itu ada-lah membuktikan ahli yang berhormat itu tidak memahami akan maksud pindaan usol itu yang ma'ana dan maksudnya berlainan dari yang asal. Jikalau demikian tidak-lah patut di-katakan kenyataan yang di-terbitkan dari Istana itu berlawanan dengan imej Kerajaan Baginda seperti yang di-sebutkan dalam Borneo Bulletin dan Bintang Harian keluaran yang tersebut itu.

Ahli Yang Berhormat hendaklah memahami bahawa pegawai2 Istana yang mengeluarkan kenyataan itu ada-lah juru chakap dari Istana. Dari itu sa-barang kenyataan yang telah di-keluarkan oleh mereka ada-lah sah di-terima dari Istana dan dengan izin Istana.

Mengenai dengan "demokrasi", yang selalu di-jadikan perbualan oleh sa-tengah2 pemimpin politik amat-lah luas, baik dari segi arti kata mau pun dari segi loghat ma'ana shara'.

Ada baiknya di-fahamkan dengan sa-dalam2-nya yang bukan hanya sa-takat arti-nya yang sa-patah dua sahaja, supaya chara menggunakan dan mengamalkannya terlaksana dengan semporna.

Sa-tiap apa yang di-katakan oleh sa-seorang yang menjadi wakil rakyat itu tidak-lah semuanya benar dan mesti di-terima sahaja atau disifatkan sa-bagai kehendak rakyat."

## HARI PELAJAR SEKOLAH2 MELAYU

BANDAR BRUNEI — Tiga buah sekolah Melayu akan mengadakan Hari Pelajar esok.

Sekolah2 itu ia-lah Nakhoda Abdul Rashid Menunggul; Pulau Berbunut (Brunei Tiga) dan Kinua, Temburong.

Pada 13 Jun — Sekolah Melayu Senokoh Temburong dan pada 15 Jun sa-banyak 15 buah sekolah akan mengadakan hari pelajar masing2. Sekolah2 itu ia-lah Gadong, Kiulap, Amar Pahlawan, Anak2 AMDB, Mentiri, Tanah Jambu, Bengkurong, Jerudong, Bukit Panggal, Senaут, Bukit Udal, Lubuk Pulau, Layong, Benutan dan Kg. Bukit.

Pada 16 Jun — Amo, S.A.B. Sungai Besar dan Pudak.

Pada 17 Jun — Pulau Baru2, Batu Marang dan Salangan Temburong.

## Peraduan kereta,

BANDAR BRUNEI — Salah satu achara yang akan di-adakan untuk menyambut Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei yang ke-23 ia-lah Peraduan Kereta dan Basikal Berhias serta Peraduan tanglong berjalan kaki.

Peraduan kereta dan basikal berhias ada-lah terbuka kapada pejabat2, persatuan2, sharikat2 perniagaan dan orang ramai.

Peraduan perkarangan tanglong berjalan kaki pula di-bahagikan kepada lima bahagian, ia-itu per-satuan2 belia dan kebajikan, mak-



Gambar atas menunjukkan murid2 dari Sekolah Melayu Muda Hashim sedang mempersembahkan satu tarian di-upachara pembukaan rasmi Hari Pelajar yang telah berlangsung di-Padang Besar, Bandar Brunei pada hari Sabtu lepas.

## Titah D. Y. M. M. di-pembukaan

(DARI MUKA 1)

manfaat yang akan mendatangkan kebahagian kepada negeri Brunei.

Beta juga telah meminta kapada ibu bapa anak2 mereka pada memberikan tunjuk ajar pada menanamkan semangat dan perasaan hasrat hati dengan iklas dan jujur, rajin menuntut pelajaran, laila ilmu pengetahuan dan tabah serta patoh kapada undang2 dan per-

atoran negeri serta bersunggoh2 melambangkan nama baik negeri kita Brunei yang kita kasih ini.

Beta telah berkali2 menasihatkan murid2 hendak-lah tabah dan berhati2 dengan tekun-nya belajar dan mencari laila ilmu pengetahuan bukan sahaja mendatangkan faedah laila manfaat kepada negeri bahkan juga laila mata pelajaran, laila ilmu pengetahuan mendatangkan kemanfaatan kapada mere-

## Hari Pelajar

ka yang rajin belajar dan bersunggoh2 pada mempelajari laila ilmu pengetahuan. Laila mata pelajaran, laila ilmu pengetahuan, laila berpengalaman, insha Allah akan dapat menglakukan pembawaan pada melaksanakan tugas tanggong jawab di-segi keamanan dari segi ketenteraman laila subor dan pada chintakan keselamatan negeri kita Brunei Darus-salam sa-bagai kota orang tua2: negeri aman raya pendudok serta isi di-dalamnya rajin laila bersunggoh2 serta chintakan keselamatan. Negeri tenteram laila subor raayat pendudok serta isi di-dalam patoh kepada undang2 dan peraturan negeri dan mempunyai pembawaan yang siuan serta chintakan keselamatan.

Pada chintakan keselamatan mesti-lah dari hati ka-hati dan dilongkokkan dalam kalbu sanubari maka insha Allah dan dengan izin Allah negeri kita Brunei yang dikasih ini terselamat dan niat laila hasrat terpelihara dan laila pembawaan sampai-lah, dan nama baik Negeri Brunei bermerchu.

Laila hadhirin sekalian, beta berdo'a mudah2an, laila panchir keturunan yang mulia dan asal laila panchir keturunan yang baik pada umum-nya semua usaha kebajikan berbahagia, sekian terima kaseh.

## Ahli2 Majlis Mashuarat Belait akan beli pam ayer untuk wakaf

KUALA BELAIT — Majlis Mashuarat Daerah Belait telah mengadakan sidang bulanan-nya di-bilek mashuarat Pejabat Daerah Belait pada hari Sabtu lepas.

Dalam mashuarat itu, majlis telah meluluskan satu usol untuk meminta kerajaan supaya menjadikan jalan satu hala di-Jalan Samaun dari Lurong Satu ka-Lurong Tiga Barat di-Pekan Seria.

Usol tersebut di-kemukakan oleh Awang Ibrahim bin Abdul Ghani — wakil kawasan Lurong Tiga Seria.

Malai Mahsor bin Malai Abdul Hamid — wakil kawasan Pekan Seria telah mengemukakan satu usol supaya Jabatan Hal Ehwal Ugama menyediakan pam2 penghisapan ayer penggalian kubor orang2

Islam, tetapi usol tersebut telah di-trek balek.

Sa-baleknya ahli2 majlis termasok pengurusinya telah bersetuju untuk membeli pam2 tersebut untuk di-jadikan wakaf yang kemudian-nya akan di-serahkan kapada Pejabat Hal Ehwal Ugama di-daerah itu.

Majlis tersebut telah di-pengerusikan oleh Pegawai Daerah Belait, Pengiran Dato Paduka Momin bin Pengiran Haji Ismail.

## Penyiasatan penyakit untuk ka-Temburong

BANDAR BRUNEI — Projek Penghapus Malaria sedang meluaskan penyiasatan penyakit untuk ka-Daerah Temburong dalam bulan ini untuk mengesan sama ada penyakit itu terdapat di-daerah itu.

Mulai minggu lepas rombongan tersebut telah mela-wat beberapa buah kampong di-daerah itu untuk mengesan penyakit itu.

Sementara itu rombongan dari Projek Penghapus Malaria itu juga telah me-lakukan penyiasatan penyakit itu di-beberapa buah kampong di-Daerah Brunei/Muara.

Penyiasatan penyakit itu dilakukan pada sebelah malam di-antara pukul 7.00 hingga 9.00 malam kerana kuman2

penyakit itu hanya dapat di-kesan pada waktu malam hari.

Penyiasatan penyakit ini telah di-mulakan dalam tahun lepas sa-telah terdapatnya penyakit itu di-Daerah Tutong.

Sa-takat ini, sa-ramai 5.557 orang dari 43 buah kampong di-Daerah Tutong, Belait dan Brunei/Muara telah di-perek-sa.

Dari jumlah itu sa-ramai 85 orang di-dapat mengidap penyakit itu — 50 di-Daerah Tutong, 32 di-Daerah Belait dan 3 di-Daerah Brunei/Muara.

Rawatan biasa dengan memberikan sa-jenis ubat sedang di-berikan kapada pengidap2 penyakit itu sejak bulan Februari tahun ini.

## basikal berhias

tab2 dan sekolah2 menengah, seko-lah2 rendah, kampong2 dan peja-bat2.

Borang2 dan sharat2 memasuki peraduan2 tersebut boleh di-dapati daripada Pengurus Peraduan, Pengiran Haji Mohammad bin Pengiran Badar, Pejabat Perkhidmatan Perubatan, Brunei atau dari-pada Setia Usaha-nya, Pengiran Abdul Momin bin Pengiran Damit, Pejabat Penchen2 Negara, Brunei.

Borang2 permohonan hendak-lah di-kembalikan kapada Setia Usaha Peraduan tersebut tidak lewat 5 Julai, 1969.